


PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

09 APRIL 2019
SELASA



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
UTUSAN MALAYSIA	MB JOHOR JUMPA PM	2
UTUSAN MALAYSIA	PERLANTIKAN MENTERI BESAR HAK MUTLAK SULTAN JOHOR	3
UTUSAN MALAYSIA	OSMAN DISARAN LEPAS JAWATAN	4



UTUSAN MALAYSIA


MB Johor 4/4
jumpa PM 9/4

PUTRAJAYA 8 April -
 Menteri Besar Johor, Datuk Osman Sapian telah mengadakan pertemuan dengan Tun Dr. Mahathir Mohamad di pejabat Perdana Menteri, di bangunan Perdana Putra, di sini hari ini.

Pertemuan itu menjadi tumpuan susulan khabar angin bahawa kedudukan Osman sebagai Menteri Besar bakal digantikan.

Menurut sumber, Osman memasuki bangunan pada pukul 3 petang dengan menaiki kenderaan jenis Toyota Alphard dan pulang pada pukul 6.50 petang.

Pengamal-pengamal media yang menunggu di pintu masuk bangunan Perdana Putra sejak pukul 3.30 petang walau bagaimanapun gagal merakam kenderaan Osman, dipercayai kerana beliau menggunakan pintu masuk berlainan.



UTUSAN MALAYSIA

U1 Malaysia 914

Pelantikan Menteri Besar hak mutlak Sultan Johor

KUALA LUMPUR 8 April – Sultan Johor mempunyai kuasa mutlak dalam menentukan pelantikan individu yang layak menjadi Menteri Besar di negeri itu sebagaimana individu tersebut adalah Melayu dan beragama Islam seperti tertakluk dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor (UTKJ) 1985.

Sultan mengikut budi bicaranya boleh melantik sesiapa

sahaja untuk menjadi Menteri Besar selagi ia mematuhi peruntukan Artikel 3(2) dalam undang-undang tersebut.

“Hanya mereka yang berstatus Penduduk Tetap (PR) tidak boleh dilantik memegang jawatan itu,” jelas undang-undang tersebut.

Sepanjang memegang jawatan Menteri Besar itu, individu tersebut tidak boleh memegang


jawatan atau terlibat dalam sebarang aktiviti perniagaan yang boleh menjana keuntungan kepadanya.

Selain itu, UTKJ menyatakan seseorang Menteri Besar itu boleh hilang jawatannya apabila hilang kepercayaan majoriti Ahli Dewan Undangan Negeri.

“Menteri Besar yang hilang kepercayaan majoriti itu, boleh

mengemukakan surat peletakan jawatannya atau memo-hon supaya Sultan Johor membubarkan Dewan Undangan Negeri (DUN),” jelas peruntuhan UTKJ.

Sekiranya berlaku peletakan jawatan, seorang ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri selain Menteri Besar hendaklah memangku jawatan atas perkenan Sultan.



UTUSAN MALAYSIA

Utusan Malaysia - 9/4/19 . Selasa .

Osmán disaran lepas jawatan

Oleh NURUL HUDA HASSAN
pengarang@utusan.com.my

■ JOHOR BAHRU 8 APRIL

DEWAN Muda Johor (DMJ) mahu Menteri Besar, Datuk Osman Sapian mengambil langkah berjaya besar melepaskan jawatannya dengan cara terhormat, jika benar spekulasi beliau akan ditukar.

Menurut DMJ, cara begitu adalah lebih baik dan terpuji untuk Osman daripada membiarkan negeri ini terus diheret dalam kancan politik dalam yang sememangnya bakal merugikan rakyat dan Johor jika spekulasi itu dibiru.

"Spekulasi Johor bakal mendapat Menteri Besar yang baharu pastinya membulatkan rasa tidak selesa dalam kalangan rakyat, malah bakal memberikan imej tidak baik terhadap negeri dan menimbulkan kebimbangan kepada pelabur untuk melabur di Johor."

"DMJ juga melihat kemelut baharu itu ada kaitan dengan krisis kesepakatan dalam kalangan parti Pakatan Harapan (PH) dengan setiap parti sudah tentu bercita-cita untuk meletakkan calon mereka sebagai Menteri Besar.

"Ini bukan satu situasi yang baik kerana secara tidak langsung boleh menyebabkan Menteri Besar sedia ada seolah-olah tidak mendapat sokongan bagi mempunyai usaha memajukan rakyat dan negeri ini," menurut DMJ dalam kenyataan di sini hari ini.

DMJ percaya bahwa sebuah kerajaan negeri yang baik pastinya mempunyai kesepakatan baik, saling mempercayai dan paling penting tidak mempunyai agenda politik tertentu dengan dipimpin ketua yang dihormati.

Namun, kata DMJ, apa yang berlaku adalah Johor sejakambil alih kerajaan PH memperlhatkan Menteri Besar mendudir negeri ini berseorangan



OSMAN SAPIAN

tanpa sokongan dan dokongan daripada barisan Exco serta wakil rakyat blok kerajaan sendiri.

"Bermula defisit kepercayaan terhadap kejujuran kelayakan akademik sehingga caranya menguruskan bencana toksik di Sungai Kim Kim, dan kemuncaknya lawatan ke Batam, Indonesia meninggalkan rakyat di Pasir Gudang.

"Ia bukti jelas, kerajaan negeri Johor pada hari ini rapuh dan hilang identiti pemimpin yang memimpin dan situasi itu pastinya sesuatu yang tidak sihat untuk kestabilan dan kemakmuran rakyat dan negeri ini."

"Jadi, desakan serta saranan Menteri Besar Johor ditukar atau dirombak dalam kalangan pemimpin Pakatan Harapan adalah sesuatu yang tentunya tidak memerlukan jatah kita," tambah kenyataan itu.

Justeru, kata DMJ, dari pada terus berspekulasi serta mengambil kira imej beliau yang sudah tercalar, adalah lebih baik Menteri Besar Johor berjaya besar melepaskan jawatan dengan cara terhormat.

Kepada rakyat Johor, DMJ mengajak semua bersama-sama mendakwa yang terbaik dan menyokong segala tindakan serta jalan yang terbaik untuk negeri ini.

